

LAWATAN TABUNG AMANAH PEKERJA KE PREMIS PERNIAGAAN BANDAR SERI BEGAWAN

Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan telah membuat lawatan ke beberapa premis perniagaan di sekitar kawasan Kompleks Perniagaan Mukim Berakas, Bandar Seri Begawan, pada hari Khamis, 28 November 2024.

Hasil daripada lawatan tersebut, pegawai-pegawai pemeriksa TAP telah memeriksa sebanyak 42 buah premis majikan yang berdaftar dan didapati seramai 13 orang pekerja tempatan masih belum didaftarkan dan dicarumkan ke dalam Skim Persaraan Kebangsaan (SPK).

Lawatan ini bertujuan untuk memastikan setiap Majikan menjalankan tanggungjawab di dalam mendaftarkan dan membayar caruman SPK untuk pekerja-pekerja mereka. Setiap pekerja yang memenuhi persyaratan skim adalah dimestikan untuk mempunyai simpanan persaraan untuk dimanfaatkan di hari persaraan mereka nanti.

TAP ingin memaklumkan bahawa proses pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja kini dipermudahkan melalui perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah. Para Majikan boleh melog masuk ke akaun portal e-Amanah masing-masing melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.

Para Majikan diingatkan untuk melaksanakan tanggungjawab mendaftarkan dan membayar caruman bagi pekerja-pekerja yang layak iaitu rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat. Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari, dan pekerja di dalam tempoh percubaan. Di bawah Bab 35 (1), *National Retirement Scheme Order, 2023*, Majikan yang gagal mematuhi peraturan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$3,000.00 bagi kesalahan pertama, dan tidak lebih dari \$10,000.00 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Bagi isu-isu yang berkaitan penguatkuasaan seperti pekerja yang tidak didaftar atau tiada pembayaran caruman, pekerja adalah dinasihatkan untuk membuat aduan dan mengongsikan maklumat melalui talian hotline Unit Penguatkuasaan TAP di talian 730 2929 ataupun melalui emel di alamat enforcement@tap.com.bn.

Para pekerja juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian 272 2929 semasa waktu bekerja. Bagi ahli yang berdaftar dengan perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah, aduan juga boleh dibuat dengan melog masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.